
2. TUNTUTAN GANTI RUGI PENGHUTANG PECAH KONTRAK

**Universiti Teknologi MARA
Kementerian Pengajian Tinggi**

1. LATAR BELAKANG


- 1.1. Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mensasarkan untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025. Antara objektif yang ditetapkan dalam Pelan Strategik Perancangan Sumber Manusia (PSPSM) bagi tempoh 2021 hingga 2025 adalah untuk memastikan 50% atau 8,000 kakitangan berkelayakan Ijazah Kedoktoran (Ph.D) dan 2,000 kakitangan mempunyai kelayakan profesional dengan badan profesional yang diiktiraf. Selaras dengan objektif PSPSM ini, UiTM telah menawarkan biasiswa kepada kakitangannya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ph.D dan Sarjana. Antara skim biasiswa yang ditawarkan kepada kakitangan UiTM adalah Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDB) dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB).
- 1.2. Penerima biasiswa akan menandatangani perjanjian dengan pihak UiTM bagi memastikan objektif yang ditetapkan tercapai. Perjanjian yang ditandatangani bersama kakitangan yang menerima biasiswa (Pemegang Biasiswa) adalah Perjanjian UiTM Pindaan 92/6 dan seterusnya dipinda pada tahun 2014 dan 2017. Pemegang Biasiswa perlu menamatkan pengajian dan melapor diri dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam perjanjian.
- 1.3. Pemegang Biasiswa yang mungkir terhadap perjanjian tersebut adalah dianggap sebagai penghutang pecah kontrak dan dikehendaki membayar ganti rugi bersamaan nilai biasiswa termasuk segala gaji dan/atau elaun yang telah dibayar dan kos pentadbiran. Berdasarkan perjanjian pindaan 2014 dan 2017, pemotongan gaji boleh dibuat tanpa kebenaran Pemegang Biasiswa sekiranya berlaku kemungkiran oleh Pemegang Biasiswa.
- 1.4. Pada tahun 2021, seramai 1,496 pemegang biasiswa telah mungkir dengan nilai tuntutan ganti rugi keseluruhan berjumlah RM117.16 juta. Seramai 1,201 daripada 1,496 penghutang pecah kontrak telah diambil tindakan tuntutan ganti rugi dan dilaporkan dalam Penyata Kewangan UiTM pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 dengan nilai tuntutan ganti rugi keseluruhan berjumlah RM64.82 juta. Manakala, baki seramai 259 daripada 1,496 penghutang pecah kontrak masih belum diambil tindakan tuntutan ganti rugi dengan nilai tuntutan ganti rugi keseluruhan berjumlah RM52.34 juta.

1.5. Berdasarkan klausula 9.1(e) dan (f) Perjanjian UiTM/BPD-BKK/03-42 (pindaan 2017), sekiranya Pemegang Biasiswa gagal untuk mendapatkan ijazah dan/atau apa-apa pensijilan dan gagal untuk meneruskan serta menamatkan pengajian di akhir tempoh pengajian, maka Pemegang Biasiswa dianggap sebagai melakukan kemungkiran.

1.6. Klausula 10 Perjanjian UiTM/BPD-BKK/03-42 (pindaan 2017) pula menetapkan sekiranya berlaku kemungkiran perjanjian, Pemegang Biasiswa hendaklah membayar kepada UiTM apabila diminta atau dituntut, secara bertulis melalui notis 14 hari, jumlah Nilai Biasiswa dan Kos Pentadbiran sebagai ganti rugi kepada pihak Universiti, mengikut jumlah yang mana lebih tinggi.

1.7. Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) UiTM melalui Bahagian Kemajuan Kerjaya (BKK) merupakan bahagian yang bertanggungjawab terhadap penawaran biasiswa kakitangan, pemantauan kemajuan pengajian Pemegang Biasiswa dan tuntutan ganti rugi bagi penghutang pecah kontrak. Proses kerja mengenai tuntutan ganti rugi terhadap penghutang pecah kontrak adalah seperti dalam **Rajah 2.1**.

RAJAH 2.1
CARTA ALIR PROSES KERJA BAGI TUNTUTAN GANTI RUGI PECAH KONTRAK



Sumber: Pekeliling Akademik Bilangan 11 Tahun 2012

1.8. Pekeliling Bendahari Bilangan 7 Tahun 2017 berkenaan Peruntukan Hutang Ragu dan Hutang Lapuk pula menjelaskan sekiranya hutang melebihi usia enam tahun dan masih tidak dapat dikutip akan dibuat tindakan hapus kira.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada tuntutan ganti rugi terhadap penghutang pecah kontrak telah dilaksanakan dengan betul dan teratur mengikut perjanjian, prosedur kewangan, pekeliling-pekeliling akademik, undang-undang dan garis panduan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dijalankan dengan pemeriksaan terhadap fail Penghutang Pecah Kontrak dari BKK, rekod kewangan seperti fail gaji Penghutang Pecah Kontrak dari Unit Kewangan Zon 2, Pejabat Bendahari dan dokumen perjanjian dari Pejabat Penasihat Undang-undang (PUU). Butiran lanjut mengenai sampel penghutang pecah kontrak adalah seperti dalam **Jadual 2.1**.

**JADUAL 2.1
SAMPEL PENGAUDITAN**

KATEGORI	PENGHUTANG PECAH KONTRAK		SAMPEL PENGHUTANG PECAH KONTRAK	
	BILANGAN	RM JUTA	BILANGAN	RM JUTA
Kakitangan Universiti	1,496	123.93	381	67.08

Sumber: Senarai Penghutang Pecah Kontrak, BKK UiTM

3.2. Sampel yang dipilih adalah seramai 381 Pemegang Biasiswa yang pecah kontrak atau 25.5% daripada 1,496 penghutang pecah kontrak sehingga bulan Disember 2021. Justifikasi pemilihan sampel adalah berdasarkan Pemegang Biasiswa yang merupakan kakitangan UiTM dan tidak tamat pengajian dalam tempoh yang sepatutnya. Selain itu, semakan turut dijalankan terhadap penghutang pecah kontrak yang dihapus kira pada tahun 2019. Kaedah temu bual dengan pegawai yang berkenaan juga dijalankan bagi mendapatkan pengesahan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan April 2021 hingga Jun 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 28 Julai 2022. Maklum balas terkini daripada UiTM diterima pada 27 Februari 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti di perenggan 4.1 dan 4.2.

4.1. Hapus Kira Terhadap Penghutang Pecah Kontrak Berjumlah RM6.23 juta

4.1.1. Klausula 10 Perjanjian UiTM/BPD-BKK/03-42 (pindaan 2017) menetapkan sekiranya berlaku kemungkiran perjanjian, Pemegang Biasiswa hendaklah membayar kepada UiTM apabila diminta atau dituntut, secara bertulis melalui notis 14 hari, jumlah Nilai Biasiswa dan Kos Pentadbiran sebagai ganti rugi kepada pihak Universiti, mengikut jumlah yang mana lebih tinggi.

4.1.2. Berdasarkan proses kerja UiTM mengenai tuntutan ganti rugi terhadap penghutang pecah kontrak, sekiranya penama masih enggan atau ingkar melunaskan bayaran ganti rugi pecah kontrak, pejabat PUU UiTM akan memulakan tindakan sivil dan mendapatkan penghakiman ke atas penama dan penjamin.

4.1.3. Semakan Audit mendapati **seramai 86 daripada 381 penghutang pecah kontrak dengan nilai hutang keseluruhan berjumlah RM6.23 juta telah dihapus kira pada tahun 2019 oleh Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) UiTM**. Semakan lanjut mendapati notis tuntutan telah dikeluarkan kepada kesemua 86 penghutang pecah kontrak tersebut, bagaimanapun tindakan tuntutan ganti rugi yang antaranya melaksanakan proses pemfailan saman di mahkamah dan pelaksanaan kehakiman serta pemotongan gaji tidak dilaksanakan. Pengumuran hutang daripada tarikh tuntutan hutang hingga tarikh kelulusan hapis kira bagi 86 penghutang pecah kontrak ini adalah antara 7 hingga 39 tahun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.2**.

JADUAL 2.2
HAPUS KIRA TERHADAP PENGHUTANG PECAH KONTRAK

SEBAB HAPUS KIRA	BILANGAN PENGHUTANG PECAH KONTRAK	PENGUMURAN HUTANG* (Tahun)	NILAI HUTANG DIHAPUS KIRA (RM Juta)
Terhalang oleh had masa	45	7 hingga 39	3.04
Terhalang had masa dan Penghutang telah difaikkan kebankrapan	10	12 hingga 37	1.77
Terhalang had masa dan Ketidaaan fail di pejabat PUU UiTM	31	10 hingga 39	1.42
JUMLAH	86		6.23

Sumber: Minit Mesyuarat JKP Bilangan 218 Tahun 2019

Nota: * Pengumuran hutang dikira dari tarikh hutang dituntut hingga tarikh kelulusan hapis kira

4.1.4. Hapus kira terhadap penghutang pecah kontrak berjumlah RM6.23 juta adalah disebabkan had masa melebihi enam tahun daripada tarikh pecah kontrak yang menghalang UiTM untuk melaksanakan proses pemfailan saman di mahkamah dan pelaksanaan kehakiman, penghutang telah difaikkan kebankrapan dan ketidaaan fail penghutang yang pecah kontrak di Pejabat PUU UiTM.

4.1.5. Kegagalan UiTM mengambil tindakan membuat tuntutan ganti rugi terhadap 86 penghutang pecah kontrak dalam tempoh yang ditetapkan telah menyebabkan UiTM mengalami kerugian apabila nilai hutang keseluruhan berjumlah RM6.23 juta tidak dapat dikutip dan telah dihapus kira pada tahun 2019.

Maklum balas UiTM yang diterima pada 27 Februari 2023

UiTM memaklumkan usaha tuntutan akan terus dilakukan walaupun kelulusan hapus kira telah dibuat, iaitu melalui kaedah bukan mahkamah seperti melantik ejen pengutip hutang. Namun begitu, tindakan kutipan melalui ejen pengutip hutang hanya akan dilaksanakan sekiranya menerima fail kes yang lengkap. Antara tindakan pencegahan bagi mengelak kes seperti ini berulang adalah seperti berikut:

- a. memberi latihan dan penerangan secara berterusan kepada pegawai yang menguruskan proses tuntutan ganti rugi penghutang pecah kontrak supaya prosedur kerja yang berkuat kuasa dipatuhi dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan; dan
- b. koordinasi antara BKK, Pejabat PUU, dan Pejabat Bendahari akan dipertingkatkan supaya proses tuntutan ganti rugi penghutang pecah kontrak dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Pernyataan Audit	Kegagalan UiTM melaksanakan tuntutan ganti rugi dalam tempoh yang ditetapkan terhadap 86 penghutang pecah kontrak sehingga keseluruhan hutang dihapus kira telah menyebabkan UiTM mengalami kerugian berjumlah RM6.23 juta.
-------------------------	--

4.2. Ganti Rugi Berjumlah RM52.34 Juta Terhadap 259 Penghutang Pecah Kontrak Belum Dituntut

4.2.1. Berdasarkan klausa 9.1(e) Perjanjian UiTM/BPD-BKK/03-42 (pindaan 2017), sekiranya Pemegang Biasiswa gagal untuk mendapatkan ijazah dan/atau apa-apa pensijilan atau pengesahan pentauliahan ijazah dan/atau pensijilan, untuk kursus tersebut dari pihak Institusi di akhir tempoh pengajian, dan/atau Pemegang Biasiswa tidak lulus mana-mana ujian/peperiksaan/laporan/disertasi/tesis ataupun gagal untuk memenuhi syarat-syarat akademik yang telah ditentukan oleh pihak Institusi untuk kursus tersebut, maka Pemegang Biasiswa dianggap sebagai melakukannya kemungkirian.

4.2.2. Berdasarkan klausula 10 Perjanjian UiTM/BPD-BKK/03-42 (pindaan 2017), yang mana sekiranya berlaku kemungkiran perjanjian oleh Pemegang Biasiswa, Pemegang Biasiswa dan penjamin-penjamin dan waris-waris, wasi-wasi, penerima-penerima serah hak mereka hendaklah bersama-sama dan masing-masing membayar kepada UiTM apabila diminta atau dituntut, secara bertulis melalui notis 14 hari, jumlah Nilai Biasiswa dan Kos Pentadbiran sebagai ganti rugi kepada pihak Universiti, mengikut jumlah yang mana lebih tinggi.

4.2.3. Berdasarkan Klausula 11 Borang Perjanjian Pindaan 2014/7 dan perjanjian UiTM/BPD-BKK/03-42 (pindaan 2017), sekiranya berlaku kemungkiran perjanjian oleh Pemegang Biasiswa, Universiti berhak membuat potongan gaji tanpa perlu mendapatkan persetujuan daripada Pemegang Biasiswa sebagai penjelasan tuntutan ganti rugi Nilai Biasiswa, kos pentadbiran, kos perkhidmatan dan lain-lain bayaran dan perbelanjaan yang akan dikeluarkan atau telah dikeluarkan dan ditanggung oleh pihak Universiti dalam menjalankan tuntutan bayaran balik nilai biasiswa atau ganti rugi tersebut. Perjanjian yang sama juga menyatakan Nilai Biasiswa bermaksud kos sebenar termasuk segala gaji dan/atau elaun yang telah dibayar dan dibelanjakan oleh pihak Universiti kepada Pemegang Biasiswa sepanjang tempoh tajaan.

4.2.4. Perenggan 5.0 Prosedur Tuntutan - Pekeliling Akademik UiTM Bilangan 11 Tahun 2012 berkenaan Garis Panduan Penamatan Kontrak Biasiswa dan Tuntutan Ganti Rugi Kepada Pemegang Biasiswa UiTM menyatakan kertas kerja tuntutan hutang ganti rugi perlu disediakan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia UiTM (JKI-PKSM) bagi tujuan kelulusan dalam tempoh sebulan selepas semakan status tamat pengajian Pemegang Biasiswa. Semakan status tersebut dibuat mengikut peringkat pengajian iaitu setahun dari tarikh lapor diri bagi pengajian peringkat Ph.D dan tiga bulan dari tarikh lapor diri bagi peringkat pengajian Sarjana. Seterusnya, tempoh notis tuntutan perlu dikeluarkan bagi Pemegang Biasiswa yang pecah kontrak adalah satu bulan selepas kelulusan JKI-PKSM diperoleh.

4.2.5. Semakan Audit mendapati 259 Pemegang Biasiswa telah pecah kontrak kerana gagal menamatkan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam perjanjian dengan nilai keseluruhan ganti rugi berjumlah RM52.34 juta. Sehingga 31 Disember 2021, seramai 201 daripada 259 Pemegang Biasiswa tersebut, yang **pecah kontrak sejak tahun 1999 masih belum dibawa kepada kelulusan JKI-PKSM untuk melaksanakan tindakan tuntutan ganti rugi berjumlah RM42.63 juta melibatkan kelewatan antara 1 hingga 22 tahun**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.3**.

JADUAL 2.3
TUNTUTAN GANTI RUGI YANG BELUM DIBAWA KEPADA KELULUSAN JKI-PKSM

TAHUN PECAH KONTRAK	BILANGAN PENGHUTANG PECAH KONTRAK MENGIKUT PENGAJIAN			JULAT TEMPOH KELEWATAN TUNTUTAN PECAH KONTRAK SEHINGGA 31 DISEMBER 2021 (Tahun)	JUMLAH TUNTUTAN	
	PH.D (A)	SARJANA (B)	JUMLAH (C = A+B)		KOS PENGAJIAN (RM Juta)*	GAJI DAN ELAUN (RM Juta)
2020	26	-	26	1 hingga 2	0.02	5.86
2019	77	-	77	2 hingga 3	1.21	15.57
2018	74	2	76	3 hingga 4	1.95	16.26
2017	2	-	2	4 hingga 5	0.23	0.27
2016	2	-	2	5 hingga 6	0.00	0.09
1999 hingga 2015	15	3	18	6 hingga 22	1.11	0.06
JUMLAH	196	5	201		4.52	38.11
JUMLAH GANTI RUGI KESELURUHAN BOLEH TUNTUT (RM)					42.63	

Sumber: Senarai Penghutang Pecah Kontrak

Nota: *Pengiraan Audit termasuk pembayaran yuran pengajian, tiket kapal terbang dan lain-lain perbelanjaan

4.2.6. Berdasarkan proses kerja di BKK UiTM, pegawai yang bertanggungjawab perlu menyediakan salinan dokumen berkaitan untuk tuntutan ganti rugi untuk diserahkan kepada Pejabat PUU UiTM. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kertas kerja tuntutan ganti rugi terhadap 201 penghutang pecah kontrak yang perlu dibawa untuk kelulusan JKI-PKSM tidak disediakan bagi tujuan kelulusan. Bagi 20 penghutang pecah kontrak dengan pengumuran antara tahun 1999 hingga 2016, tindakan tuntutan perundangan pemfailan saman di mahkamah tidak dapat dilaksanakan kerana halangan had masa enam tahun daripada tarikh pecah kontrak.

4.2.7. Selain itu, seramai **58 daripada 259 Pemegang Biasiswa tersebut, dengan tuntutan ganti rugi berjumlah RM9.71 juta masih belum dibuat tindakan tuntutan walaupun kelulusan JKI-PKSM telah diperoleh melibatkan kelewatan antara 129 hingga 1,473 hari**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.4**.

JADUAL 2.4
TUNTUTAN GANTI RUGI YANG MASIH BELUM DIBUAT WALAUPUN KELULUSAN JKI-PKSM TELAH DIPEROLEH

BILANGAN TUNTUTAN YANG DILULUSKAN	TAHUN PECAH KONTRAK	KELULUSAN MESYUARAT JKI-PKSM		TEMPOH TUNTUTAN HUTANG YANG MASIH BELUM DIBUAT (Hari)*	JUMLAH TUNTUTAN HUTANG DIBUAT (RM Juta)**
		BILANGAN MESYUARAT	TARIKH (A)		
1	2016	Bil. 16 Tahun 2017	19.12.2017	1,473	0.13
33	2017	Bil. 28 Tahun 2019	03.10.2019	820	6.74
24	2020	Bil. 45 Tahun 2021	24.08.2021	129	2.84
58					9.71

Sumber: Senarai Penghutang Pecah Kontrak

Nota: *Dikira sehingga 31 Disember 2021

**Nilai Biasiswa termasuk Gaji dan elaun, Kos Pentadbiran, kos perkhidmatan dan lain-lain bayaran

4.2.8. Selain itu, walaupun kelulusan JKI-PKSM telah diperoleh bagi 58 penghutang pecah kontrak, berlaku kelewatan yang ketara dalam penghantaran dokumen yang lengkap seperti Surat Tawaran Biasiswa, Perjanjian Biasiswa dan Memorandum Perjanjian oleh BKK UiTM kepada PUU UiTM antara 43 hingga 697 hari dari tarikh mesyuarat JKI-PKSM. Kelemahan pengurusan dan dokumentasi biasiswa telah menyebabkan kelewatan penyediaan dokumen yang lengkap untuk dikemukakan kepada PUU UiTM bagi tindakan tuntutan ganti rugi dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.5**.

JADUAL 2.5
KELEWATAN PENYERAHAN DOKUMEN KEPADA PUU UiTM

BILANGAN TUNTUTAN YANG BELUM DIBUAT	MESYUARAT JKI-PKSM		TARIKH SURAT TINDAKAN UNDANG- UNDANG KEPADA PUU UiTM (B)	KELEWATAN PENYERAHAN SURAT TINDAKAN (Hari) (C = B - A)
	BILANGAN MESYUARAT	TARIKH (A)		
1	Bil. 16 Tahun 2017	19.12.2017	22.05.2018	154
33	Bil. 28 Tahun 2019	03.10.2019	30.08.2021	697
24	Bil. 45 Tahun 2021	24.08.2021	06.10.2021	43
58				

Sumber: Senarai Pemegang Biasiswa

4.2.9. Kelewatan membuat tuntutan ganti rugi terhadap 20 penghutang pecah kontrak telah mengakibatkan UiTM kehilangan hasil berjumlah RM1.26 juta kerana tindakan tuntutan dihalang oleh Akta Had Masa 1953. UiTM juga berpotensi kehilangan hasil berjumlah RM51.08 juta kesan kelewatan tindakan tuntutan ganti rugi terhadap 239 penghutang pecah kontrak.

Maklum balas UiTM yang diterima pada 27 Februari 2023

UiTM memaklumkan seramai 259 Pemegang Biasiswa yang telah pecah kontrak ini telah diambil tindakan seperti berikut:

- a. notis tuntutan telah dikeluarkan antara bulan Julai hingga Disember 2022 kepada 166 Pemegang Biasiswa dengan nilai tuntutan berjumlah RM40.43 juta yang mana 86 telah bersetuju untuk membayar ganti rugi iaitu melalui pemotongan gaji mulai Februari 2023, manakala 80 telah tamat pengajian namun maklum balas tuntutan masih belum diperoleh lagi;
- b. pemberhentian proses perundangan kepada 73 Pemegang Biasiswa yang telah tamat pengajian; dan
- c. seramai 20 Pemegang Biasiswa telah dimajukan ke Jawatankuasa Tetap Kewangan untuk dihapus kira kerana terhalang oleh Akta Had Masa 1953.

Pernyataan Audit | **Kelewatan UiTM melaksanakan proses tuntutan ganti rugi terhadap penghutang pecah kontrak telah mengakibatkan UiTM kehilangan hasil berjumlah RM1.26 juta dan berpotensi kehilangan hasil berjumlah RM51.08 juta.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, UiTM sentiasa komited dalam usahanya menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025 serta melestarikan kecemerlangan organisasi dengan menawarkan biasiswa kepada kakitangannya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ph.D dan Sarjana. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan tindakan tuntutan ganti rugi terhadap Pemegang Biasiswa yang pecah kontrak melibatkan kehilangan hasil berjumlah RM7.49 juta dan potensi kehilangan hasil berjumlah RM51.08 juta. Kelewatan dalam menyediakan kertas kerja untuk kelulusan JKI-PKSM dan juga ketiadaan beberapa dokumen berkaitan pemegang biasiswa pecah kontrak dikenal pasti menjadi punca tindakan tuntutan ganti rugi pecah kontrak gagal dilaksanakan. Penambahbaikan dalam pelaksanaan tindakan tuntutan ganti rugi membolehkan UiTM mengawal selia kewangan secara efektif dan membelanjakan semula hasil tersebut untuk tawaran biasiswa kepada kakitangan lain pada masa hadapan.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, UiTM disyorkan melaksanakan penambahbaikan terhadap perkara berikut:

- 6.1. memastikan pekeliling, prosedur kerja dan kontrak yang berkuat kuasa dipatuhi, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berkesan bagi tuntutan ganti rugi ke atas Pemegang Biasiswa yang pecah kontrak;
- 6.2. menambah baik koordinasi, komunikasi dan pemantauan kerja antara BKK UiTM, Unit Kewangan Zon 2, Pejabat Bendahari dan Pejabat PUU UiTM sama ada di peringkat pelaksanaan atau pengurusan tertinggi berhubung tindakan perundangan dan kutipan semula Wang Awam; dan
- 6.3. memastikan pekeliling dan kontrak tuntutan ganti rugi ditambah baik antaranya menerangkan secara terperinci prosedur kerja bagi pemberhentian tindakan undang-undang terhadap penghutang pecah kontrak yang tamat pengajian di luar tempoh pengajian yang sepatutnya.